

09 MAY 2002

Mahathir-Pekerja

PM BIDAS RAKYAT MALAYSIA YANG TAK MAHU REBUT PELUANG PEKERJAAN

KERTIH, 9 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas rakyat Malaysia yang tidak mahu merebut peluang pekerjaan di kawasan luar bandar sehingga mendorong warga asing memenuhi sektor pekerjaan di negara ini.

Perdana Menteri berkata sikap rakyat Malaysia terutama golongan bumiputera yang hanya suka berseronok dan melepak di bandar-bandar telah menyebabkan orang asing datang merebut peluang pekerjaan di negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas lawatan sehari ke Kompleks Industri Petroleum Petronas di sini, Dr Mahathir berkata orang asing sanggup datang dari jauh merebut peluang pekerjaan yang ada di negara ini, tanpa mengira sama ada ia di kawasan bandar atau luar bandar.

"Orang kita saja tak nak (kerja) ... orang kita hanya nak seronok saja, lepak tengah bandar.

"Kalau buat macam ni, tak lama, orang lain ambil alih negara kita ni," katanya.

Inilah yang menjadi masalah sejak zaman penjajah dahulu, kerana rakyat negara ini tidak sanggup bekerja menyebabkan orang asing dibawa masuk dan kini mereka menjadi warga negara Malaysia, katanya.

"Kalau kita tak sanggup bekerja juga, tak lama nanti negara kita ini dipenuhi orang Indonesia, Filipina, Thailand, Bangladesh. Bagaimana kita nak halau dia balik (sedangkan) kita tak sanggup buat kerja, orang lain ambillah," katanya.

Mengenai kurangnya pelaburan di Kertih, walaupun terdapat industri petroleum di sini, Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan telah melabur berbilion ringgit membangunkan kawasan itu, jumlah pelaburan yang masuk terlalu sedikit.

Katanya keadaan restoran, rumah dan kampung di Kertih dan sekitarnya masih tidak berubah sedangkan di KLIA, apabila kerajaan membangunkan lapangan terbang itu, pelabur membuat pelaburan dan membuka bandar baru.

Beliau berkata keadaan serupa juga berlaku semasa kerajaan membuka Putrajaya dan Cyberjaya, apabila bandar baru seperti Puchong dan Serdang membangun dengan pesat dan banyak terdapat kegiatan perniagaan dan ekonomi.

"Apa yang kita lihat pelaburan berpuluh-puluh billion di tempat ini sahaja, tapi kita tengok ekonomi tidak ada.

"Kampung begitu juga, rumah pun macam tulah juga dan restoran pun tepi jalan macam itu juga," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan hairan kenapa keadaan itu berlaku di Kertih.

Ketika diminta mengulas cadangan kerajaan Terengganu untuk membina sendiri lebuh raya menggunakan khidmat syarikat asing, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat tidak menghalang.

Kepada soalan sama ada kerajaan akan membenarkan wang ihsan digunakan untuk projek lebuh raya, Perdana Menteri berkata kerajaan sedia menimbangkan cadangan itu mengikut keperluan, tetapi masalahnya ialah lebuh raya di Terengganu tidak mempunyai aliran trafik yang cukup untuk mengutip tol.

"Apa ada projek-projek yang mendatangkan manfaat kepada rakyat Terengganu, kita sanggup membelanjakan," katanya.

-- BERNAMA

SN MRA MAI